



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

8 MAC 2024 (JUMAAT)

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	11	8 Mac

Penternak lembu, kerbau terhimpit

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Penternak lembu dan kerbau tenusu di Selangor kini terhimpit ekoran masalah kekurangan sumber makanan ternakan.

Penternak, Abdul Gaffar Khan Amirullah berkata, masalah tersebut berlaku apa-apa bila syarikat yang sebelum ini membekalkan hampas gandum menghentikan penjualan sumbu ber berkenaan kepada semua penternak di negeri ini.

Menurutnya, penternak kini buntu sahaja perlu mencari sumber makanan yang lebih tinggi harganya, juga berdepan masalah kesesuaian bahan tersebut dengan haiwan ternakan mereka.

"Selama 30 tahun kami ambil hampas gandum sebagai makanan. Tapi sekarang syarikat berkenaan menghentikan jualan kepada kami.

"Kalau kami nak tukar sumber makanan yang telah diberikan sebelum ini, ia tidak sesuai kerana haiwan ternakan sudah biasa dengan makanan dahulu.

Lagipun sumber seperti dedak dan jagung mahal harganya," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Tambahnya, pemberhentian sumber makanan berkenaan menyebabkan penternak terpaksa mencari bahan lain yang



ABDUL GHAFFAR KHAN (bertopi) menyerahkan memorandum bantahan kepada salah seorang wakil syarikat pembekalan hampas gandum, baru-baru ini.

mencecah RM400 satu tan berbanding hampas gandum berharga RM70.

"Kalau keadaan berterusan, kami yang terdiri lebih 20 penternak tidak mampu untuk menanggung kos tinggi sedangkan kami perlu membekalkan lebih 10,000 liter susu mentah secara keseluruhannya setiap

sehari kepada syarikat pembuatan minuman berasaskan susu, restoran serta dijual terus kepada pelanggan di sekitar Lembah Klang," jelasnya.

Dalam pada itu, Abdul Gaffar Khan berkata, tindakan menyekat sumber makanan tersebut dipercayai didalangi orang tengah dan syarikat yang tidak

terlibat dalam industri penternakan.

"Hampas gandum ini diperkaya dijual kepada syarikat penternakan cacing sedangkan kami lebih memerlukan hampas gandum ini untuk memastikan keselamatan sekuriti makanan negara dapat dicapai," ujarnya.

Justeru, katanya, beliau

mengharapkan campur tangan pihak berkuasa dalam isu berkenaan dengan mengadakan rundingan bersama pembekal.

"Syarikat tidak boleh mengejar keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira kepentingan awam, seterusnya akan memberikan impak besar terhadap sekuriti makanan negara," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR